

WASIAT YANG BERHARGA

Apabila seorang daripada kamu lewat di masjid kami atau di pasar kami pada hal ia membawa anak panah maka hendaklah ia pegang mata anak panah itu dengan tangannya, jangan ia melukai orang Islam – maksud hadis sahih riwayat Bukhari, Muslim, Abu Daud dan Ibn Majah.

* * *

Melakukan perbuatan jahat itu suatu kejahatan. Menyuruh orang berbuat jahat lebih jahat lagi. Benci kepada amal kebajikan lebih jahat lagi daripada kesemuanya itu. Tidak ada kejahatan yang lebih jahat atau boleh dikatakan sejahat-jahat kejahatan ialah orang-orang yang bekerja keras dengan harta, tenaga, jiwa dan fikirannya untuk menghancurkan suatu amal kebajikan yang diperintah oleh Tuhan- Al-Khotat.

* * *

Jika tuan telah mengetahui bahawa anak gadis itu sebagai bunga yang harum semerbak baunya lalu tuan letakkan di tempat yang sentiasa kumbang berterbangan dan hinggap kepadanya; ketika bunga itu dihinggap kumbang tuan tidak sedikit pun bekerja menghalau kumbang itu dan tidak pula memindahkan tempat bunga itu ke lain. Sekiranya kumbang tadi menghinggap bunga itu siapakah tuan hendak sesalkan? Fikirlah dengan tenang!- Nikmat di dalam Al-Lisan.

* * *

Perempuan-perempuan yang salih itu ialah taat serta menjaga kehormatan diri dan harta suaminya pada masa suaminya tidak di rumah sebagaimana Allah memelihara mereka itu -maksud firman Allah di dalam surah An-nisa ayat 33.

* * *

Sebaik-baik isteri itu ialah yang apabila engkau pandang menyenangkan hatimu; apabila engkau suruh ia taat; dan apabila engkau ghaib daripadanya ia pelihara dirinya dan hartamu- maksud hadis riwayat Ibn Jarir daripada Abu Hurairah.

Apabila beberapa orang melalui suatu kaum kemudian seorang daripada yang lalu itu memberi salam kepada orang yang duduk dan dijawab oleh seorang daripada mereka nescaya memadai bagi mereka yang lalu dan duduk- maksud hadis riwayat Abu Naim.

* * *

Amanah itu ada dua: Amanah orang dan amanah diri sendiri. Amanah orang sudah tentu dimaklumi sedapat-dapatnya wajib dijaga dan sewajibnya dibalikkan semula kalau sudah sampai masanya. Orang yang sengaja mencuaikan kedua macam itu dinamakan khianat. Pengkhianat tak berhak menerima gelaran mukmin sebagaimana sabda Nabi: "Tidak ada iman kepada orang yang tak ada amanahnya," Amanah diri sendiri ialah amanah yang kita serahkan kepada orang lain. Menyerahkan amanah kepada orang lain itu mustahak dijaga -menjaganya iaitu mencari orang yang patut menerima amanah tadi. Kalau diserahkan amanah itu kepada orang yang bukan ahlinya – kata Nabi – maka tunggulah masa kerosakannya – Muhammad Ali.

Perhatian

Banyak surat-surat telah datang ke meja kita bertanya tentang buku "Saya Pilih Kebebasan" karangan Victor Kreh Chenko -tebalnya 400 muka lebih yang telah dicetak oleh pencetak Qalam. Kerana banyak surat-surat itu dengan ini kita nyatakan bahawa Qalam hanya menerima upahan untuk mencetaknya bagi Jabatan Maklumat Tenggara Asia dan dengan yang demikian harus buku-buku itu telah dibahagi bagi Malaya dan Singapura menerusi Jabatan Perhubungan Raya Singapura dan Jabatan Maklumat di Persekutuan Tanah Melayu. Kita mendapat faham bahawa buku-buku itu dibahagi percuma oleh jabatan itu dan yang demikian kepada pembaca-pembaca yang bertanya kepada kita haraplah berhubung terus dengan jabatan-jabatan yang tersebut mudah-mudahan dapat keterangan yang tepat dan jelas –Pengarang.